



KERAJAAN MALAYSIA

**SURAT PEKELILING AKAUNTAN NEGARA
MALAYSIA BILANGAN 2 TAHUN 2020**

**PERATURAN BAYARAN BANTUAN KHAS
KEWANGAN TAHUN 2020**

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

KANDUNGAN

1. TUJUAN.....	1
2. LATAR BELAKANG	1
3. PELAKSANAAN.....	2
4. HAL-HAL LAIN.....	4
5. TARIKH KUAT KUASA	5
6. PEMAKAIAN	5

JANM.BKP.600-14/1/11 Jld.2 (05)



KERAJAAN MALAYSIA

SURAT PEKELILING AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA BILANGAN 2 TAHUN 2020

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan

PERATURAN BAYARAN BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN 2020

1. TUJUAN

Surat Pekeliling ini adalah bertujuan untuk memberi garis panduan kepada Kementerian/Jabatan mengenai peraturan bayaran Bantuan Khas Kewangan (BKK) Tahun 2020 kepada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan selaras dengan pengumuman Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat atau PRIHATIN.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Kerajaan telah menetapkan kadar bayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2020 adalah sebanyak RM500 kepada Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana penjawat awam gred 56 dan ke bawah.
- 2.2 Kadar bayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2020 sebanyak RM500 juga dipanjangkan pemberiannya kepada pesara kerajaan yang menerima pencen.
- 2.3 Surat Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2020 bertarikh 2 April 2020 dan surat bayaran BKK kepada individu lantikan *Contract For Service* daripada Kementerian Kewangan rujukan MOF.DS (S) 600-40/3/3 (26) bertarikh 2 April 2020.

3. PELAKSANAAN

Pelaksanaan tatacara perakaunan bagi bayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2020 adalah seperti berikut:

3.1 Tarikh Pembayaran

Bayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2020 ini akan dibayar pada **23 April 2020**.

3.2 Peruntukan Untuk Membayar Bantuan Khas Kewangan Tahun 2020

Kementerian/Jabatan hendaklah membayar Bantuan Khas Kewangan Tahun 2020 menggunakan peruntukan tahun 2020. Sekiranya peruntukan ini tidak mencukupi, permohonan peruntukan tambahan hendaklah dibuat kepada Perbendaharaan.

3.3 Kaedah Bayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2020

Terdapat dua (2) kaedah bayaran **Bantuan Khas Kewangan Tahun 2020** iaitu melalui:

3.3.1 Bayaran melalui Sistem Emolumen Berkomputer

(1) Tanggungjawab Pejabat Perakaunan (AO)

- (i) Mengeluarkan **Laporan Penerima Bayaran Bantuan Khas Kewangan** kepada Pusat Tanggungjawab (PTJ) selewat-lewatnya pada **3 April 2020**;
- (ii) Mengemaskini **data Penerima Bayaran Bantuan Khas Kewangan** di dalam sistem selewat-lewatnya pada **6 April 2020**;
- (iii) Melaksanakan simulasi proses gaji pada **7 April 2020**; dan
- (iv) Memproses gaji bulan April 2020 pada **8 April 2020**. **Bayaran Bantuan Khas Kewangan** akan dibayar bersama gaji bulan April 2020.

(2) Tanggungjawab Pusat Tanggungjawab (PTJ)

- (i) Menyemak **Laporan Penerima Bayaran Bantuan Khas Kewangan** selewat-lewatnya pada **6 April 2020**. Pegawai yang tidak layak hendaklah dikeluarkan daripada laporan tersebut;

- (ii) Mengemukakan Laporan Penerima Bayaran Bantuan Khas Kewangan yang telah disemak kepada Pejabat Perakaunan pada 6 April 2020; dan
- (iii) Mengutip semua amaun yang telah dibayar kepada pegawai yang tidak layak menerima bayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2020 dengan kaedah berikut:
 - (a) Pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan setaraf termasuk pegawai yang memangku/ tukar sementara dan penempatan khas ke Gred Jawatan Utama/Gred Khas, kutipan tunai hendaklah dibuat daripada pegawai;
 - (b) Bagi pegawai yang dikenakan hukuman tatatertib dalam tempoh 1 Januari 2020 hingga 23 April 2020, kutipan tunai hendaklah dibuat daripada pegawai;
 - (c) Bagi pegawai yang ditamatkan perkhidmatan demi kepentingan awam dan pegawai yang meletak jawatan dalam tempoh 1 Januari 2020 hingga 23 April 2020, kutipan tunai hendaklah dibuat daripada pegawai.

3.3.2 Bayaran Melalui Arahan Pembayaran (Kew.330E) bagi pegawai yang tiada dalam Sistem Emolumen Berkomputer

Tanggungjawab Pusat Tanggungjawab (PTJ)

- (1) Menyediakan Arahan Pembayaran (Kew.330E), jenis dokumen - Invois Tanpa Pesanan Kerajaan (K2) beserta Penyata Perubahan Mengenai Pendapatan Seseorang Pegawai (Kew.8 – Pin.10/96) dan dokumen sokongan yang lain.
- (2) Memastikan penjawat awam yang dibayar melalui Arahan Pembayaran menerima bayaran pada 23 April 2020.

3.4 Potongan ke atas Cukai Pendapatan, Caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Caruman Pertubuhan Keselamatan Sosial Pekerja (PERKESO) tidak dilaksanakan tertakluk seperti berikut:

3.4.1 Cukai Pendapatan

Bayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2020 tidak akan dikira sebagai pendapatan bagi tujuan pengiraan cukai pendapatan.

3.4.2 Caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)

Bayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2020 ini adalah tidak termasuk di bawah definisi “Upah” sepetimana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 2, Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) 1991 (Akta 452). Sehubungan dengan itu ianya tidak perlu dicarumkan ke Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

3.4.3 Caruman Pertubuhan Keselamatan Sosial Pekerja (PERKESO)

Bayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2020 ini tidak perlu dicarumkan ke Pertubuhan Keselamatan Sosial Pekerja (PERKESO).

3.5 Kod Urus Niaga

Kod urus niaga yang perlu digunakan bagi bayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2020 adalah seperti berikut:

Kod Elaun (Payroll)	Kod Akaun	Perihal Kod
1072	B0117102	Bantuan Khas Kewangan
1072	B0117202	Bantuan Khas Kewangan Pasukan Keselamatan
1548	B0229306	Pemberian Khas Pekerja Sementara atau Sambilan

4. HAL-HAL LAIN

Pertanyaan lanjut mengenai Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM), boleh dirujuk kepada pihak berikut:

Pengarah

Bahagian Pengusan Operasi Pejabat Perakaunan (BPOPP)

Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Aras 3, Perbendaharaan 2

No.1, Persiaran Perdana

62594, Presint 2

Putrajaya

u.p. : Unit Prestasi

emel : unit_prestasi@anm.gov.my

No. Tel. : 03 - 8886 1624/1612/1622/1611

5. TARIKH KUAT KUASA


Surat Pekeliling ini berkuat kuasa mulai pada tarikh ianya dikeluarkan.

6. PEMAKAIAN

Kementerian/Jabatan Persekutuan dan Pejabat Perakaunan hendaklah memastikan peraturan yang ditetapkan dalam surat pekeliling ini dipatuhi. Peruntukan surat pekeliling ini juga dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Badan Berkanun Persekutuan, Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan tertakluk kepada penerimaan oleh pihak berkuasa masing-masing.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



DATUK DR. YACOB BIN MUSTAFA C.A.(M)
Akauntan Negara Malaysia

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
PUTRAJAYA

3 April 2020

s.k :

Ketua Setiausaha Negara
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Ketua Audit Negara
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua YB Pegawai Kewangan Negeri
Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Ketua Akauntan Kementerian
Semua Pengarah Negeri/Cawangan Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Semua Akauntan Negeri/Bendahari Negeri
Pengarah Jabatan Arah Urusan Gaji Angkatan Tentera (UGAT)